

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/1975**

**MELANJUTKAN TEMPOH SYARAT NYATA ATAU SYARAT
TERFAHAM (IMPLIED CONDITION) DIATAS
HAKMILIK TANAH**

Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah ditarik perhatian berkaitan dengan S.L.P.U NO. 32 bertarikh 28hb Julai 1966 dimana Pihak Berkuasa Negeri telah memperturunkan kuasa kepada Menteri Besar Selangor untuk menimbangkan permohonan di bawah seksyen 107 Kanun Tanah Negara.

2. Pada masa sekarang Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor menimbangkan permohonan untuk melanjutkan tempoh syarat nyata atau syarat terfaham (implied condition) di atas hakmilik tanah yang mempunyai jenis kegunaan (category) bangunan.

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di dalam persidangannya pada 23/1/1975 telah membuat keputusan bahawa Menteri Besar, Selangor bolehlah juga menimbangkan permohonan untuk melanjutkan tempoh syarat nyata atau syarat terfaham bagi tanah yang mempunyai kategori pertanian.

4. Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan bahawa permohonan di perenggan 3 bolehlah diterima. Surat ringkasan seperti biasa mengandungi alasan-alasan tertentu hendaklah dibuat. Tempoh untuk dilanjutkan ialah selama satu tahun.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL 1929 (4)

KUALA LUMPUR
24 HB FEBRUARI 1975